

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**TEORI EVOLUTIONISM DALAM EPISTEMOLOGI
USUL FIQH DARI PERSPEKTIF BARAT**

**[THE THEORY OF EVOLUTIONISM IN THE EPISTEMOLOGY
OF USUL FIQH FROM THE WESTERN PERSPECTIVE]**

ARIYANTI MUSTAPHA¹
ABDUL KARIM ALI¹

¹Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding author: ariyanti.mustapha@gmail.com

Received Date: 1 October 2022 • Accepted Date: 24 November 2022

Abstrak

Perkembangan hukum Islam yang mencapai kemuncak kegemilangan pada zaman kerajaan Abasiyyah telah menarik perhatian sarjana Barat dalam menghasilkan pelbagai kajian dan teori terhadap Zaman Keemasan hukum Islam atau The Golden Age of Islamic Jurisprudence. Penglibatan Ignaz Goldziher, Joseph Schacht, David Powers dan Wael Hallaq telah menghasilkan pelbagai kajian terhadap perkembangan usul fiqh dan sebahagian daripada karya mereka telah mendapat pengiktirafan daripada sarjana Barat sebagai The Sacred Book of Islamic Law, dan The Father of Islamic Studies. Teori Evolutionism merupakan rumusan pemahaman Barat yang merupakan garapan pemahaman umum orientalis Barat terhadap Zaman Kegemilangan hukum Islam yang didakwa terhasil akibat wujudnya elemen asing (Foreign Elements). Artikel ini dihasilkan untuk menganalisis karya penulisan Goldziher, Joseph Schacht, Wael Hallaq dan beberapa pandangan daripada orientalis kontemporari dalam menilai variasi pandangan mereka terhadap perkembangan hukum Islam yang didakwa berasaskan dogma daripada Barat. Kajian ini berasaskan kajian kualitatif dan penganalisan data menggunakan metodologi historis dan komparatif. Hasil penganalisan dapat dirumuskan bahawa dakwaan Goldziher dan Schacht terhadap epistemologi usul fiqh yang berasaskan dogma Barat adalah tidak tepat dan ia menafikan Teori Evolutionism dan teori The Legal Transplant yang telah diperkenalkan oleh orientalis Barat terhadap epistemologi usul fiqh.

Kata Kunci: Joseph Schacht, Orientalis, Teori Evolutionism, Usul Fiqh, Wael Hallaq

Abstract

The development of Islamic Law during the Abbasid period, known as The Golden Age of Islamic Jurisprudence has attracted the attention of western scholars and their contribution in Islamic Law. Many books and articles on usul fiqh written by Ignaz Goldziher, Joseph Schacht, David Powers, and Wael Hallaq were acknowledged by the Westerners and some of their contributions were

known as The Sacred Book of Islamic Law and The Father of Islamic Studies. The Theory of Evolutionism was a stigmatism of Orientalists writing on the zenith of Islamic law during the third century, which derived from foreign elements. This article is to analyze the writing of Goldziher, Joseph Schacht, Wael Hallaq, and other Orientalists on their assumption of western dogma in Islamic Jurisprudence. This study used qualitative, historic, and comparative methodologies. The findings verified the invalidation in Schacht and Goldziher allegation on the foreign elements in usul fiqh. Thus, the Legal Transplant and the Theory of Evolutionism evolved by the Westerners in the methodology of usul fiqh are rejected.

Keywords: Joseph Schacht, Orientalist, Theory of Evolutionism, usul Fiqh, Wael Hallaq.

Cite as: Ariyanti Mustapha & Abdul Karim Ali. 2022. Teori Evolutionism dalam Epistemologi Usul Fiqh dari Perspektif Barat [The Theory of Evolutionism in the Epistemology of Usul Fiqh From the Western Perspective]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 1-13.

PENGENALAN

Perkembangan hukum Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad telah mencapai kemuncak kegemilangannya pada kurun ketiga hijrah yang merupakan indikator kepada kematangan intelek para sarjana Islam dalam metodologi usul fiqh. Penglibatan orientalis barat dalam kajian terhadap Islam telah bermula sejak tahun 1239 oleh Frederick II yang memberi persepsi prejudis terhadap peranan para Nabi khususnya Nabi Musa, Nabi Isa dan Nabi Muhammad yang bertanggungjawab dalam menyampaikan wahyu Allah kepada manusia (Joseph Schacht, 1974). Pengkajian terhadap hukum Islam dan metodologi usul fiqh telah bermula sejak tahun 1874 yang dipelopori oleh Edward Sachau, Alfred Von Kremer dan Snouck Hurgronje yang telah menghasilkan pelbagai penulisan artikel dan buku berkaitan dengan perkembangan hukum Islam (Zafar Ishaq Ansari, 2016). Menurut Harald Motzki (2002), penglibatan Sachau dalam kajian hukum Islam telah membuka peluang kepada penglibatan lebih ramai orientalis barat yang mengkhususkan pengkajian terhadap ilmu usul fiqh.

Perkembangan hukum Islam dan penggunaan metodologi usul fiqh secara komprehensif di bawah kerajaan Abbasiyah pada kurun ketiga hijrah dianggap sebagai Zaman Keemasan dalam sejarah perkembangan hukum Islam. Beberapa penulisan terkenal orientalis barat seperti Joseph Schacht, Ignaz Goldziher, Patricia Crone, dan Norman Daniel merupakan antara pengkaji barat yang telah merumuskan penggunaan elemen perundangan asing ke dalam metodologi usul fiqh yang menjadi asas utama kepada kegemilangan hukum Islam pada kurun ketiga hijrah (Aayesha Rafiq, 2016, 121-130). Sarjana orientalis merumuskan kaedah usul fiqh adalah hasil evolusi daripada perundangan barat yang telah diolah oleh para sarjana Islam dan dinamakan dengan pelbagai terma usul fiqh seperti Sunnah, *Ijma'*, *Qiyas*, dan *ijtihad* (Aayesha Rafiq, 2016). Evolusi yang berlaku dalam metodologi usul fiqh khususnya pada kurun ketiga hijrah telah membuka ruang kepada sarjana barat dalam membuat rumusan terhadap pemakaian perundangan atau dogma barat ke dalam usul fiqh. Malah pelbagai teori dan falsafah telah dikaitkan dengan evolusi usul fiqh seperti teori *The Legal Transplant*, falsafah *Evolutionism* dan teori *The Clash of Civilization*.

Artikel ini akan mengkhususkan perkembangan metodologi usul fiqh dari perspektif barat dengan menggunakan kaedah kualitatif dan komparatif terhadap penulisan Joseph Schacht dan Ignaz Goldziher. Pengkajian Schacht dan Goldziher terhadap hukum Islam telah dianggap oleh sarjana barat sebagai *The Sacred Book of Islamic Law* kerana kandungannya yang dianggap sebagai komprehensif terhadap hukum Islam. Malah penglibatan Schacht dalam kajian hukum Islam telah dianggap oleh sarjana barat sebagai *The Father of Islamic Legal Studies* yang merupakan indikator terhadap pengetahuan meluas Schacht dalam hukum Islam (Akh Minhaji, 1992). Penulisan Wael Hallaq dan beberapa hasil penulisan orientalis barat kontemporari akan digunakan sebagai komparatif dengan hasil penulisan Schacht dan Goldziher yang menggunakan pendekatan bersifat *prejudis* terhadap hukum Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Penghasilan artikel ini adalah berdasarkan objektif berikut:

1. Menghuraikan Teori Evolusi dari perspektif barat.
2. Menyatakan kaedah usul fiqh yang didakwa berasal daripada perundangan Rom, yahudi dan Kristian.
3. Menganalisis pandangan Joseph Schacht, Ignaz Goldziher dan Wael Hallaq terhadap Teori Evolusi dalam usul fiqh.

DEFINISI *EVOLUTIONISM*

Metodologi usul fiqh mula digunakan secara meluas dalam kalangan sarjana fiqh pada kurun ketiga hijrah. Kepelbagaian kaedah usul fiqh yang diperkenalkan oleh para Imam Mazhab telah memberi impak positif terhadap perkembangan intelek para sarjana fiqh dalam penganalisan hukum. Bahkan kurun ketiga hijrah telah dianggap sebagai Zaman Keemasan hukum Islam yang membuktikan pengukuhan metodologi usul fiqh dalam hukum Islam. Situasi ini telah menimbulkan pelbagai teori dalam kalangan orientalis barat yang mendakwa wujudnya evolusi dalam hukum Islam yang berasaskan kepada elemen perundangan Rom, Kristian dan Yahudi (David S. Powers, 2010). Malah teori *The Legal Transplant* yang telah diperkenalkan oleh Alan Watson (1974) telah digunakan oleh barat sebagai bukti kukuh terhadap wujudnya kaedah *Transplant* atau penggunaan perundangan asing ke dalam hukum Islam.

Evolusi secara umumnya bermaksud proses transformasi hidupan di bumi dari awal penciptaannya sehingga berlakunya proses kehidupan yang lengkap (Peter J. Bowler, 1975, 95-114). Pentakrifan awal Bowler terhadap evolusi lebih tertumpu kepada mutasi genetik dalam konteks Biologi sebagaimana yang ditakrifkan dalam Teori Darwin. Manakala definisi Evolusi berdasarkan Kamus Cambridge (<https://dictionary.cambridge.org>, 5 Oktober, 2022) bermaksud proses perkembangan dan perubahan terhadap sesuatu perkara yang merangkumi pelbagai aspek seperti bahasa, perundangan, budaya dan aspek sosiologi dalam kehidupan manusia.

Falsafah *Evolutionism* pula bermaksud ideologi barat yang menganggap tamadun barat adalah lebih tinggi, hebat dan agung berbanding dengan keadaan masyarakat Timur, khususnya Islam (Edward Said, 1981, 48-52). Berdasarkan maksud falsafah *Evolutionism* di atas, dapat difahami bahawa masyarakat barat secara umumnya melihat masyarakat Timur, Islam

khususnya dan segala yang terkandung di dalamnya adalah bersifat naif, ortodoks, tidak bertamadun dan perundangannya tidak sesuai untuk digunakan dalam masyarakat kontemporari (Ahmad Gumma Sidek, 2017, 141). Masyarakat di sebelah Timur yang masih berpegang kepada agama dan kepercayaan metafizik telah dianggap sebagai mundur, bodoh, bebal dan tidak bertamadun. Bahkan sarjana barat beranggapan bahawa masyarakat Timur harus ditamadunkan oleh masyarakat Eropah iaitu kuasa daripada barat dengan cara penjajahan (Rahimin Affandi Abdul Rahim et al, 2012, 1-23). Justeru itu, Teori Evolusi dalam artikel ini memfokuskan kepada perkembangan metodologi usul fiqh yang dirumuskan oleh orientalis barat sebagai berasal daripada perundangan asing. Orientalis barat memperakui faktor kegemilangan epistemologi usul fiqh pada kurun ketiga hijrah adalah hasil daripada evolusi hukum Islam yang telah diolah daripada perundangan Rom, Yahudi dan Kristian (Judith Romney Wegner, 2011, 25-29).

PANDANGAN ORIENTALIS BARAT TERHADAP PERKEMBANGAN USUL FIQH

Sejarah Awal Perkembangan Hukum Islam

Perkembangan usul fiqh secara khususnya telah dimulakan secara komprehensif oleh para sahabat setelah kewafatan Rasulullah. Pelbagai metodologi usul fiqh yang lebih kompleks telah digunakan oleh para sarjana Islam khususnya pada kurun kedua sehingga kurun ketiga hijrah. Sejarah perkembangan hukum Islam walaubagaimanapun telah membuktikan beberapa prinsip asas usul fiqh telah digunakan oleh Nabi Muhammad khususnya dalam hukum yang tidak termaktub di dalam al-Quran seperti kaedah ijtihad dan *qiyas*. (Abdul Wahhab Khallaf, 1942). Para ulama mengklasifikasikan kaedah ijtihad dan *qiyas* yang telah digunakan oleh Rasulullah sebagai ilham dari Allah untuk penyelesaian terhadap hukum yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam (Amir Abd. Al-Aziz, 1997, 758). Sebagai contohnya, penggunaan kaedah ijtihad oleh Nabi Muhammad dalam isu berkaitan upah haji; hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab *al-Sahih*, dari Ibnu ‘Abbas beliau berkata, “Ada seorang wanita yang datang dari suku Juhainah datang menemani Nabi Muhammad lalu berkata, “Sesungguhnya ibuku telah bernazar untuk menunaikan haji namun ia belum sempat menunaikannya hingga beliau meninggal dunia, apakah aku boleh menunaikan haji untuknya?” Maka baginda menjawab, “Tunaikanlah haji untuknya. Bagaimana pendapatmu jika ibumu berhutang, apakah kamu wajib membayarnya? Bayarlah hutang kepada Allah kerana hutang kepada Allah lebih patut untuk dibayar” (Al-Bukhari, Sahih Al-Bukhari).

Setelah kewafatan baginda, hukum Islam semakin progresif akibat perkembangan dalam aspek sosiologi, geografi dan budaya yang semakin kompleks. Justeru itu, kepakaran dan intelek para sarjana Islam dalam menganalisis permasalahan hukum khususnya pada kurun kedua sehingga kurun ketiga hijrah adalah sangat signifikan. Ia bermula selepas zaman sahabat yang telah meninggalkan banyak peninggalan penting kepada generasi selepas mereka dalam aspek sumber hukum Islam yang merangkumi al-Quran, hadith dan praktis ijtihad yang dilakukan dengan menggunakan metode *ijma'*, *ra'y*, *istihsan* dan sebagainya dalam menyelesaikan hukum yang tidak terdapat nas dalam al-Quran dan hadith (Abd. Al-Mu'im Al-Nimr, 1987, 93).

Kemunculan Imam Mazhab yang berdasarkan lokaliti perkembangan hukum Islam merupakan antara faktor terpenting yang menjadi asas kepada wujudnya pelbagai metodologi usul fiqh. Pelbagai teori dan metodologi usul fiqh diperkenalkan oleh Imam Mazhab terhadap pengikut mereka yang secara tidak langsung memudahkan proses pemahaman hukum Islam dalam kalangan umat Islam (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 1992, 115). Pada zaman ini juga, pelbagai aliran Imam Mazhab mula menjadi pegangan umat Islam yang secara tidak langsung menjadi indikator positif terhadap kemunculan pelbagai metodologi usul fiqh dan zaman kegemilangan hukum Islam (Ahmed Hasan, 1986, 21). Justeru itu, metodologi usul fiqh mula digunakan secara meluas dan kukuh pada kurun ketiga hijrah. Pelbagai kaedah usul fiqh mula dikuasai oleh para sarjana fiqh yang merupakan indikator terhadap tahap kematangan intelek para sarjana Islam dalam menganalisis setiap permasalahan hukum.

Pandangan Orientalis Barat Terhadap Sejarah Perkembangan Hukum Islam

Perkembangan progresif hukum Islam pada kurun ketiga hijrah telah melahirkan pelbagai persepsi dan ideologi sarjana barat terhadap kemunculan metodologi usul fiqh. Penulisan orientalis barat seperti Joseph Schacht, Ignaz Goldziher, Patricia Crone dan Snouck Hurgronje telah menghasilkan rumusan yang bersifat prejudis terhadap perkembangan metodologi usul fiqh pada kurun ketiga yang digelar sebagai *The Golden Age*. Penglibatan Goldziher dalam pengkajian terhadap hukum Islam telah memberi impak terhadap munculnya pelbagai kajian orientalis barat lain terhadap hukum Islam. Hasil kajian Goldziher terhadap hukum Islam dianggap sebagai '*The Sacred Book*' oleh para orientalis lain kerana kemampuan beliau menghasilkan satu kajian yang lengkap tentang Islam (Mar'ah Nailul Faroh, 2018). Penglibatan Schacht dalam hukum Islam dengan penulisan buku *The Origins of Muhammadan Jurisprudence* dan *An Introduction to Islamic Law* telah menghasilkan banyak pandangan bias orientalis barat yang menyatakan perundangan Islam adalah hasil formulasi daripada agama Rom, Yahudi dan Kristian (Mar'ah Nailul Faroh, 2018, 12). Goldziher dan Schacht bersependapat dan merumuskan faktor kegemilangan hukum Islam pada kurun ketiga hijrah adalah disebabkan oleh penggunaan elemen asing ke dalam perundangan Islam yang telah memberi impak positif terhadap prinsip dan metodologi usul fiqh (Ignaz Goldziher, 1981).

Ignaz Goldziher (1981, 4) dalam penulisannya menyatakan agama Islam dan perundangannya didominasi oleh perundangan asing akibat daripada etnografi dan persekitaran umat Islam yang hidup dalam kalangan masyarakat Arab jahiliah, yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya di samping wujudnya hubungan sosial dengan masyarakat dari luar Timur Tengah. Schacht dalam penulisannya turut merumuskan tentang wujudnya elemen asing dalam metodologi hukum Islam semenjak pentadbiran Nabi Muhammad (Schacht, 1982, 13-15). Kedua-dua tokoh orientalis ini menyatakan faktor perkembangan sosial yang berlaku akibat hubungan perniagaan dan politik pada masa itu telah membawa kepada pengaruh budaya dan perundangan dari luar masuk ke dalam perundangan dan peraturan hukum Islam. Pernyataan Goldziher tentang kemasukan elemen asing ke dalam hukum Islam, "...the dogmatic development of Islam took place under the sign of Hellenistic thought, in its legal system the influence of Roman law is unmistakable, the organization of the Islamic state as it took shape during the 'AbbÉsid caliphate shows the adaptation of Persian political ideas...". Goldziher merumuskan bahawa perundangan Rom merupakan antara elemen asing yang telah banyak

digunakan dalam hukum Islam khususnya semasa Zaman Keemasan hukum Islam di bawah pemerintahan kerajaan Abbasiyah.

Beliau turut memberi pandangan yang bersifat skeptikal terhadap Nabi Muhammad yang disifatkan sebagai tidak membawa sebarang pembaharuan pada agama Islam. Tumpuan Nabi Muhammad adalah dari aspek eskatologi dan teologi. Bahkan semua mesej yang berunsur spiritual dan perundangan yang dibawa oleh baginda adalah berdasarkan kepada idea yang diambil hasil daripada hubungan rapat baginda dengan golongan Yahudi, Kristian dan elemen-elemen dari agama lain untuk dipraktikkan ke dalam masyarakat Islam (Ignaz Goldziher, 1981, 4-8). Peranan Nabi Muhammad sebagai Rasul telah digelar oleh Schacht sebagai *Prophet Law Giver* kerana kedudukan baginda sebagai rujukan utama dalam bidang agama, perundangan dan politik dalam kalangan umat Islam (Joseph Schacht, 1982, 11). Malah Schacht (1982, 13-14) berpendapat Nabi Muhammad menggunakan banyak elemen agama dan perundangan Yahudi di dalam hukum Islam kerana hubungan baik yang wujud di antara baginda dengan pendeta Yahudi.

Orientalis barat secara umumnya meragui kedudukan hadith sebagai metodologi usul fiqh. Bahkan penulisan Schacht dan Goldziher turut merumuskan kedudukan hadith diragui kesahihannya dan bersependapat bahawa ia merupakan rekaan daripada para sahabat. Manakala kedudukan al-Quran sebagai sumber asas hukum dalam usul fiqh telah dirumuskan oleh Schacht sebagai mempunyai persamaan dengan kitab Injil (Schacht, 1982, 18). Malah kandungan al-Quran berkaitan dengan hukum dan perundangan tidak banyak dipraktikkan dalam masyarakat Islam.

Orientalis barat iaitu Goldziher dan Schacht yang dikategorikan sebagai *Ravionis* iaitu mempunyai pandangan bersifat negatif terhadap hukum Islam telah merumuskan bahawa perkembangan metodologi usul fiqh hanya bermula pada kurun kedua hijrah iaitu selepas beberapa abad kewafatan Rasulullah. Kedudukan Madinah sebagai pusat hadith dan Sunnah diragui oleh Schacht, sebagaimana kenyataan beliau "...there was no trace of the reputation of Medina as true home of Sunna." (Schacht, 1950, 7-8). Beliau mendakwa Kufah adalah lebih sesuai diangkat sebagai pusat kelahiran hukum Islam kerana pelbagai prinsip hukum berasal daripada Kufah (Majid Khadduri, 1955, 39). Kenyataan tersebut ternyata bercanggah dari perspektif Islam kerana secara historis, praktik usul fiqh telah pun bermula semenjak zaman Rasulullah. Banyak hadith dan Sunnah Nabi Muhammad telah diriwayatkan oleh para sahabat di bumi Hijaz. Kedudukan Hijaz yang terletak dalam suasana persekitaran yang mementingkan pendidikan berteraskan al-Quran dan hadith, hubungan sosial yang rapat dalam kalangan umat Islam di samping mendapat pendidikan terus daripada Rasulullah merupakan indikator terhadap kepentingan Hijaz dalam perkembangan hukum Islam. Malah perkembangan hukum Islam dan hadith telah berkembang di Madinah semenjak zaman Nabi Muhammad dan diteruskan oleh para sahabat (Farouq Abu Zaid, 1986, 22).

Pernyataan skeptikal daripada sarjana barat adalah disebabkan oleh metodologi usul fiqh yang digunakan pada zaman Rasulullah seperti al-Quran, hadith dan ijtihad tidak didokumenkan secara bertulis. Orientalis barat menganggap sumber bertulis adalah lebih praktikal untuk dijadikan rujukan berautoriti, bersifat menyeluruh dan dapat dibuktikan secara kukuh (Arif Maftuhin, 2016, 374). Dalam aspek historis Islam, kaedah lisan dan hafazan merupakan metodologi utama yang digunakan oleh Nabi Muhammad dan para sahabat terhadap hukum Islam. Terdapat banyak penulisan sejarah hukum Islam yang membuktikan kaedah

tersebut dipraktikkan oleh para sahabat sebelum ia melalui proses penulisan yang lengkap (Majid Khadduri, 1995).

Manakala pembabitan Wael Hallaq yang disifatkan oleh sarjana barat yang dikategorikan sebagai Oksidental (jujur dan telus dalam hasil kajian terhadap Islam) telah menghasilkan pelbagai kajian terhadap hukum Islam dengan dapatan kajian yang dikategorikan sebagai jujur, telus dan tidak prejudis. Hasil pengkajian Hallaq terhadap hukum Islam turut mendapat pandangan positif daripada David Powers yang menyifatkan Hallaq sebagai pengkaji Islam yang bersifat idealis, kreatif dan dinamik, “...*suffice it to say that when Wael B. Hallaq speaks, historians of Islamic law listen*” (David S. Powers, 2010, 129). Hallaq memperakui perkembangan hukum Islam telah bermula semenjak kerasulan Nabi Muhammad, dan dikukuhkan oleh para Imam Mazhab pada kurun ketiga hijrah (Wael Hallaq, 2009, 43). Penulisan Hallaq secara umumnya turut menolak dakwaan Goldziher dan Schacht terhadap penggunaan elemen perundangan dari Rom, Kristian dan Yahudi ke dalam hukum Islam. Hallaq (2009, 43) turut memperakui penggunaan metodologi ijtihad dalam kalangan sahabat semenjak kurun pertama hijrah. Penulisan Hallaq adalah bersandarkan kepada beberapa bukti yang menyokong fakta yang dikemukakan beliau terhadap permulaan hukum Islam. Penulisan Hallaq secara umumnya adalah bertentangan dengan fakta perkembangan hukum Islam dari perspektif Goldziher dan Schacht yang mendakwa hukum Islam hanya bermula pada kurun kedua hijrah.

TEORI EVOLUSI DAN *LEGAL TRANSPLANT* DALAM USUL FIQH

Praktik metodologi usul fiqh secara progresif pada kurun ketiga hijrah telah mendapat pelbagai pandangan dalam kalangan sarjana barat. Praktik metodologi usul fiqh yang telah digunakan oleh para sarjana Islam telah dihuraikan terperinci dalam penulisan Goldziher dan Schacht yang mendakwa ia merupakan hasil evolusi daripada perundangan negara barat. Penggunaan al-Quran, Sunnah, *Ijma'* dan *qiyas* telah mendapat pelbagai interpretasi negatif daripada sarjana barat. Manakala terma *Legal Transplant* telah digunakan oleh Alan Watson pada tahun 1970 yang merupakan kaedah transmisi sistem perundangan dari sebuah negara untuk digunakan dalam sistem perundangan negara lain. Kaedah *Legal Transplant* juga dikenali dengan pelbagai terma sebagaimana dalam penulisan Watson, “...*The definition has been followed by other comparative legal scholars, with different names given to legal transplant such as legal transposition, legal borrowing, and imitation.*” (Irma Johanna Mosquera Valderrama, 2003, 263). Watson secara khususnya menghuraikan teori tersebut sebagai indikator wujudnya proses *transplant* atau penggunaan elemen perundangan asing ke dalam sistem perundangan dalam sesebuah negara lain (Alan Watson, 1974, 469). Justeru itu, sarjana orientalis percaya bahawa kaedah usul fiqh dan perundangan dalam al-Quran telah diolah dengan berdasarkan elemen perundangan barat yang didakwa lebih progresif dan sesuai dengan perubahan hidup manusia.

Evolusi Kaedah Sunnah

Goldziher dan Schacht bersependapat dalam merumuskan Sunnah sebagai salah satu metodologi usul fiqh yang telah melalui proses evolusi berdasarkan elemen asing, diolah dan dinamakan sebagai Sunnah Nabi Muhammad. Schacht menyamakan Sunnah dengan *Mishnah*

yang merupakan himpunan undang-undang lisan dalam perundangan Rom yang disampaikan melalui kaedah lisan sebelum didokumenkan dalam bentuk penulisan yang lengkap. Peraturan dan perundangan daripada Nabi Musa telah dikumpulkan oleh pengikut agama Yahudi dalam korpus yang lengkap (Judith Romney Wagner, 1982, 36). Goldziher memperakui bahawa Sunnah secara umumnya merupakan perkataan dan perbuatan Nabi Muhammad yang telah direkodkan oleh para sahabat, dan ia turut dipengaruhi elemen adat dan budaya masyarakat awal Islam serta pengaruh daripada agama Yahudi, Kristian dan Rom (Ignaz Goldziher, 38-40). Goldziher menyatakan proses evolusi dan imitasi daripada kitab Taurat dan hujahan daripada *Rabbi* Yahudi telah dimasukkan ke dalam hukum Islam, dengan dinamakan sebagai Sunnah dan hadith.

Pandangan yang dikemukakan oleh Schacht dan Goldziher terhadap Sunnah menunjukkan pemahaman negatif mereka terhadap autoriti Sunnah sebagai sumber hukum. Dari aspek historiografi, tidak dinafikan bahawa Sunnah dan *Mishnah* mempunyai persamaan yang berasaskan lisan dan penulisan. Malah kedua-duanya adalah merupakan perundangan yang berasal daripada para Nabi sebelum ia didokumenkan sebagaimana yang dinyatakan oleh Wagner (1982, 37);

“...When sunna came to mean the practice of the Prophet as the norm for establishing extra-qur’anic legal rules, Muslim jurists began to trace these rules back to the Prophet as far as possible in unbroken chain of tradition. This was precisely what Talmudic sages had done with the Jewish oral law; the second century editors of the Mishnah had made a point of including a “blanket’ chain of tradition all the way back to Moses, specifying the generational links from Sinai to the editing of the Mishnah.”

Walaubagaimanapun, kedudukan Mishnah sebagai sumber hukum yang didakwa berasal daripada Nabi Musa diragui keasliannya kerana ia berkemungkinan olahan idea daripada *Rabbi* Yahudi dan bukannya wahyu Tuhan kepada Nabi Musa. Ia berbeza dengan dokumentasi Sunnah yang berdasarkan kaedah yang ketat dan setiap nama perawi perlu dinyatakan dalam rantaian yang lengkap. Proses dokumentasi Sunnah dan hadith Nabi Muhammad mendapat pandangan prejudis daripada sarjana barat yang telah menyamakan proses tersebut sebagai hasil evolusi daripada perundangan lisan Yahudi. Kenyataan Wagner terhadap isu tersebut, *“...the second-century editors of the Mishnah had made a point of including a “blanket’ chain of tradition back to Moses, specifying the generational links from Sinai to the editing of the Mishnah.”* (Judith Romney Wegner, 2011, 36). Penulisan Wael Hallaq terhadap kedudukan Sunnah adalah selari dengan definisi Sunnah dalam konteks hukum Islam yang dikaitkan secara langsung dengan perkataan, perbuatan dan pengakuan Nabi Muhammad (Wael Hallaq, 2009, 43).

Justeru itu, kedudukan Sunnah dari pengkajian Schacht dan Goldziher dirumuskan sebagai hasil evolusi yang berasaskan perundangan Rom dan Yahudi dan telah digunakan sebagai Sunnah dalam metodologi usul fiqh. Manakala Hallaq dalam pengkajiannya terhadap Sunnah telah menafikan wujudnya elemen *Legal Transplant* dan evolusi hukum Islam berdasarkan perundangan asing ke dalam Sunnah.

Evolusi Metodologi Ijtihad

Kedudukan ijtihad dalam metodologi usul fiqh telah dimulakan oleh Nabi Muhammad dan diteruskan oleh para sahabat semenjak kurun pertama hijrah yang berhadapan dengan isu hukum yang lebih kompleks dan memerlukan kepakaran intelek mereka dalam melakukan ijtihad. Situasi ini telah dinyatakan dalam penulisan Hallaq (2009, 43) terhadap penguasaan praktik ijtihad dalam kalangan sahabat semenjak kurun pertama hijrah khususnya selepas kewafatan Rasulullah. Goldziher dan Schacht merumuskan bahawa praktik ijtihad telah digunakan dan diamalkan terlebih dahulu dalam perundangan Rome *Opinio Prudentium of Roman Law* (Ignaz Goldziher, 1981, 50). Schacht menyatakan *too numerous and too striking to be a coincidence* di antara perundangan Islam dengan perundangan Rom. Kedua-dua tokoh orientalis tersebut mendakwa proses evolusi dan *legal transplant* perundangan Rom ke dalam metodologi usul fiqh bermula pada kurun kedua yang telah menjadi pencetus kepada perkembangan intelek dalam kalangan sarjana Islam. Malah metodologi usul fiqh seperti *ijma'*, *qiyas*, *istihsan*, *istislah* dan pelbagai kaedah lain dalam usul fiqh adalah berasal daripada perundangan Yahudi dan diolah ke dalam hukum Islam.

Pandangan sarjana orientalis tersebut telah disangkal kesahihannya oleh Patricia Crone yang menyatakan konsep *Opinio Prudentium Roman Law* pada secara asasnya tidak wujud dalam perundangan klasik Rom. Malah, perundangan klasik Rom terdiri daripada *Opinium Omnium* dan *Responsa Prudentium* dan tidak berkaitan dengan *ijma'* dan *qiyas* (Patricia Crone, 1987, 11). Secara historis, dakwaan berkaitan praktik metodologi usul fiqh yang berasaskan evolusi daripada perundangan Rom telah dimulakan oleh Domenico Gatteshi dan Sheldon Amos. Ia telah ditulis pada tahun 1865 dan 1883 tentang pengaruh perundangan Rom ke dalam Syariah Islam. Mereka mendakwa banyak pengaruh asing dibawa masuk dan diolah ke dalam hukum Islam. Justeru itu, ia merupakan faktor utama yang membawa kepada perkembangan hukum Islam kerana sarjana barat beranggapan masyarakat Islam mempunyai tahap intelek yang mundur. Sebaliknya, tamadun barat sentiasa digambarkan sebagai lebih berkuasa, berpengetahuan dan progresif dalam aspek perundangan, budaya dan sosial yang menjadi faktor wujudnya pengaruh barat dalam perundangan Islam. Rumusan tersebut secara umumnya memberi indikator kekuasaan pengaruh perundangan barat terhadap hukum Islam dengan wujudnya kepelbagaian *transplant* perundangan barat ke dalam metodologi usul fiqh. (Snouck Hurgronje, 1957, 249).

Menurut Maryam Jameelah (1969, 29-30), orientalis barat mempunyai pandangan *stereotype* terhadap sarjana Islam yang dianggap sebagai *backward*, *naive*, dan *incapable* dalam bidang perundangan. Sebaliknya, dakwaan tersebut adalah tidak tepat kerana perundangan Islam dan epistemologi usul fiqh telah bermula semenjak zaman Rasulullah seawal kurun pertama hijrah (Badran Abu al-'Ayn Badran, 1984, 83). Bahkan banyak contoh yang telah ditunjukkan oleh para sahabat sebelum dan selepas kewafatan Rasulullah menggunakan ijtihad untuk memberi hukum dan fatwa terhadap isu yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran dan Sunnah. Penulisan Hallaq turut mengemukakan beberapa contoh penggunaan ijtihad seperti kaedah *ra'y* dan *ijma'* yang telah digunakan oleh para Qadhi dan khalifah seawal kurun pertama hijrah. Dalam kes jenayah yang melibatkan kehilangan beberapa anggota jari, Shurayh telah diminta memberi pandangan berkaitan hukuman ke atas kes tersebut. Beliau menyatakan bahawa beliau tidak pernah mendengar *ahl al-ra'y* membincangkan perkara tersebut (Wael

Hallq, 2009, 43). Jawapan yang dikemukakan oleh Shurayh pada kurun pertama hijrah telah mengukuhkan kenyataan Hallaq bahawa kaedah *ra'y* telah mula digunakan oleh para khalifah pada awal perkembangan hukum Islam.

Justeru itu, adalah mustahil sekiranya praktik ijtihad ditiru daripada perundangan Rom atau berdasarkan elemen agama lain kerana tuntutan terhadap intelek sarjana Islam dalam penganalisisan hukum adalah bersifat dharuriyyah yang seiring dengan perkembangan hidup manusia. Malah penggunaan kaedah *legal reasoning* atau hukum yang berasaskan pemikiran manusia turut diaplikasi di dalam agama-agama lain dalam memenuhi tuntutan perundangan yang sentiasa berkembang.

Evolusi Metodologi *Ijma'* dan *Qiyas*

Penggunaan kaedah *ijma'* telah mula digunakan pada zaman Khalifah al-Rashidin dalam hal ehwal berkaitan kemaslahatan umat Islam. Sejarah Islam menunjukkan bahawa pandangan dan persetujuan pendapat daripada para sahabat menjadi ideologi utama dalam kalangan sarjana fiqh sebelum sesuatu keputusan hukum dikeluarkan (Muhammad Yusuf Faruqi, 1995, 46-47). Schacht (1982 41-44) dan Goldziher (1981, 50) merumuskan bahawa metodologi *ijma'* telah digunakan terlebih dahulu di dalam agama Yahudi dengan menggunakan terma *Ha-Kol* yang menghimpunkan pandangan dan pendapat hukum yang dikemukakan oleh sarjana Yahudi terhadap masalah yang tidak ada penyelesaian di dalam kitab Taurat dan Talmud. Kaedah *ijma'* dan *Ha-Kol* secara umumnya merupakan kaedah hukum yang dipraktikkan di dalam agama Islam dan Yahudi untuk mendapat persetujuan majoriti daripada pihak berautoriti agama terhadap isu keagamaan atau sosial yang timbul. Dakwaan proses evolusi yang berlaku dalam metodologi *ijma'* tercetus dalam kalangan orientalis disebabkan praktik *ijma'* dan *Ha-Kol* mempunyai persamaan kerana pandangan daripada ahli agama diperlukan terhadap keputusan yang bakal dikeluarkan kepada umum.

Menurut Ahmad Hassan (1991, 16-17), secara khususnya praktik tersebut adalah berbeza kerana *ijma'* memerlukan persetujuan bersama daripada seluruh ahli mujtahid terhadap hukum yang dibincangkan dan rujukan utama perlu bersandarkan kepada al-Quran dan Sunnah di samping kriteria yang ketat ditetapkan untuk setiap mujtahid. Sebaliknya, *Ha-Kol* tidak memerlukan persetujuan seluruh ahli agama Yahudi untuk memberi pandangan tentang sesuatu perundangan dan peraturan. Keputusan majoriti *Rabbi* Yahudi bukan menjadi keutamaan, akan tetapi perbincangan dalam kalangan mereka diperlukan terhadap sesuatu isu yang timbul (Joseph Schacht, 1982, 41-42).

Manakala penggunaan kaedah *qiyas* dalam usul fiqh telah dirumuskan oleh Goldziher dan Schacht sebagai salah satu kaedah yang berdasarkan elemen daripada agama asing. Kaedah *legal transplant* dan proses evolusi yang berlaku dalam praktik *qiyas* secara khususnya berasal daripada perundangan Yahudi yang diambil daripada kitab Talmud dan dibawa masuk ke dalam perundangan Islam sebagai salah satu kaedah dalam usul fiqh. Menurut Goldziher (1981), metodologi usul fiqh termasuk *qiyas*, secara keseluruhannya adalah berdasarkan elemen daripada perundangan Rom dan Yahudi. Schacht dan Goldziher serta beberapa sarjana orientalis barat seperti Margoliuth dan Wansbrough meyakini bahawa kaedah *qiyas* adalah berasal daripada *Heqqesh* yang dipraktikkan dalam perundangan Yahudi di dalam kitab Talmud (Judith Romney Wegner, 46).

Sarjana orientalis merumuskan bahawa perkataan *qiyas* adalah evolusi daripada perkataan *Maqqis* yang akhirnya telah digunakan oleh sarjana Islam sebagai *qiyas* dalam kaedah usul fiqh (Wegner, 1982). Penulisan sarjana orientalis terhadap penggunaan kaedah *qiyas* dan *Hiqqish* tidak dibincangkan dengan terperinci, bahkan orientalis barat yang lain hanya membincangkan dari aspek linguistik dan originaliti perkataan *qiyas* dan *Hiqqish* tanpa menghuraikan maksud dan praktik *Hiqqish* dalam perundangan Yahudi. Justeru itu, dakwaan yang dikemukakan oleh Goldziher dan Schacht terhadap *qiyas* sebagai berasal daripada elemen perundangan asing adalah tanpa bukti yang kukuh. Penulisan Hallaq (2009, 100-101) terhadap praktik *qiyas* dalam metodologi usul fiqh adalah berasaskan fakta yang selari dengan pandangan sarjana Islam dengan menerangkan secara terperinci empat komponen utama *qiyas* iaitu (1) *Furu'* iaitu kes baru yang perlu dianalisis, (2) *Asal* iaitu kes yang telah sedia termaktub hukumnya di dalam al-Quran, Sunnah atau *ijma'*, (3) *'illah* iaitu persamaan yang wujud di antara kes-kes tersebut atau *the ratio legis*, dan (4) hukum yang termaktub di dalam kes asal untuk diaplikasi ke atas hukum yang baru.

Penggunaan metodologi *qiyas* dalam hukum Islam secara umumnya telah digunakan oleh para sahabat selepas kewafatan Rasulullah, dan ia merupakan salah satu kaedah hukum yang telah diperjuangkan oleh Imam Shafi'i sebagai kaedah ijtihad yang diiktiraf sebagai paling relevan dengan menggunakan kepakaran daripada para mujtahid untuk menganalisis hukum dengan berdasarkan rujukan daripada al-Quran dan Sunnah (Ahmad Hasan, 1986, 27-28). Justeru itu, kaedah *ijma'* dan *qiyas* yang mula digunakan secara meluas dalam kalangan sarjana Islam pada kurun ketiga hijrah telah membawa kepada pengukuhan dalam epistemologi usul fiqh. Pengukuhan metodologi usul fiqh pada kurun ketiga hijrah secara khususnya telah menjadi faktor kepada kegemilangan hukum Islam yang digelar oleh barat sebagai *The Golden Age*.

KESIMPULAN

Perkembangan metodologi usul fiqh dalam hukum Islam pada kurun ketiga hijrah merupakan faktor yang membawa kepada wujudnya pelbagai kajian barat terhadap epistemologi usul fiqh. Kaedah usul fiqh yang telah disusun secara sistematik oleh Imam Shafi'i dalam bukunya *al-Risalah* menjadi rujukan utama sarjana Islam terhadap metodologi usul fiqh. Orientalis barat merumuskan penggunaan elemen asing sebagai metodologi usul fiqh merupakan faktor signifikan yang membawa kepada zaman kegemilangan hukum Islam. Teori evolusi berdasarkan elemen Rom dan Yahudi yang didakwa oleh Schacht dan Goldziher dalam al-Quran, Sunnah, *ijma'* dan *qiyas* menunjukkan pemikiran orientalis barat yang bersifat skeptikal terhadap tahap pemikiran sarjana Islam yang dianggap sebagai tidak berkembang dan mundur. Malah orientalis barat menganggap tamadun dan pemikiran barat lebih progresif dan telah diimitasi oleh sarjana fiqh untuk digunakan sebagai metodologi usul fiqh. Justeru itu, kaedah *legal transplant* dan evolusi yang berlaku dalam epistemologi usul fiqh adalah bersifat prejudis tanpa bukti dan fakta yang kukuh.

RUJUKAN

'Abd al-'Aziz, Amir, (1997). *Usul al-Fiqh al-Islami*, jil. 2. Pakistan: Dar al-Salam.

- Abu Zaid, Farouq. (1986). *Hukum Islam: Antara Tradisionalis dan Modernis*, terj. H. Husein Muhammad. Jakarta: Penerbit Perhimpunan pengembangan Pesantren dan Masyarakat.
- Ahmad Gumma Sidek, (2017). "Orientalism and Orientalists Between Extremism and Exaggeration," *American International Journal of Social Science* (6) 3: 141.
- Ahmad Hasan. (1986). *Analogical Reasoning in Islamic Jurisprudence: A Study of the Juridical Principal of Qiyas*. Pakistan: Islamic Research Institute.
- Akh Minhaji. (1997). "Kontribusi Dr. Wael Hallaq Dalam Kajian Hukum Islam," dalam Yudian W. Asmin *et al.* (edt.), *Pengalaman Belajar Islam di Kanada*. Yogyakarta: Titian Ilahi Press.
- Ansari, Z.I. (2016). "The Early Development of Islamic Fiqh in Kufah With Special Reference to the Works of Abu Yussuf and Shaybani", *Islamic Studies Journal* (55)1: 149-191.
- Arif Maftuhin, (2016). "The Historiography of Islamic Law: The Case of Tarikh al-Tashri' Literature", *al-Jami'ah Journal of Islamic Studies* (54)2: 374.
- Badran, Abu al-'Aynayn. (1984). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Iskandariah: Muassasah Shabab..
- Bowler, P.J. (1975). The Changing Meaning of Evolution, *Journal of the History of Ideas* (36)1: 95-114.
- al-Bukhari, (t.th.). *Sahih Al-Bukhari*, Kitab al Inshar wa Jaza' al- Shaid, Juz 6: no. 1720.
- Edward, Said. (1981). *Liputan Berita Tentang Islam*, terj. Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faruqi, Mohammad Yusuf (1985). *Development of Usul Al-Fiqh*. Islamabad: International Islamic University..
- Hallaq, W.B. (2009). *Shari'a, Theory, Practice and Transformation*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Hurgronje, S. (1957). *Selected Works of C. Snouck Hurgronje*. Leidenn: E.J. Brill.
- Jameela, Maryam (1969). *Islam Versus The West*. New Delhi: Kitab Bhavan.
- Khadduri, Majid (1955). *Law in The Middle East*, edit. Majid Khadduri, Herbert J. Liebesny. Washington: The Mddle East Institute.
- Khallaf, 'Abd al-Wahhab. (1942). *'Ilm al-Usul al-Fiqh: Wa Khulasat Tarikh al-Tasyri' al-Islami*. Kaherah: Dar al-Qalam.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid, (1992). *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Mar'ah Nailul Faroh, (2018). "*Hadis dan Orientalis, Teori Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht*", dikemaskini 5 Julai, 2018, dicapai 25 April 2020, <http://www.academia.edu>.
- Motzki, Harald. (2002). *The Origins of Islamic Jurisprudence Meccan Fiqh Before The Classical Schools*, terj. Marion H. Katz, Leiden: Koninklijke Brill NV.
- al-Nimr, 'Abd al-Mu'im, (1987). *Al-Ijtihad*. Kaherah: Al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Amah Lilkitab.
- Powers, D.S. (2010). "Wael Hallaq on the Origins of Islamic Law: A Review Essay," *Journal Islamic Law and Society* (17):129.
- Rafiq, Aayasha, (2016). Influences, and Comparability: The Case of Islamic Law, *Islamic Research Institute* (55)1: 121-123.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2012). "Pemodenan dan Kesejahteraan Manusia Dari Perspektif Orientalisme", dalam *Malaysian Journal of History and Strategy* (39)2: 1-23.

- Roman, P.C. (1987). *Provincial and Islamic Law*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Schacht, J. (1950). *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, Oxford: The Clarendon Press.
- Schacht, J. (1982). *An Introduction To Islamic Law*. New York: Oxford University Press.
- Valderrama, I.J.M. (2003). "Legal Transplant and Comparative Law," *International Law: Revista Colombiana de Derecho Internacional* (2)2: 63-89.
- Watson, Alan, (1974). *Legal Transplant: An Approach to Comparative Law*, Edinburgh: Scottish Academic Press.
- Wegner, J.R. (1982). "Islamic and Talmudic Jurisprudence: The Four Roots of Islamic Law and Their Talmudic Counterparts," *The American Journal of Legal History* (25)1: 29-58.